



Kedai Gunting Rambut Barbacita

No 30, Jalan Pulai Ria 9, Bandar Baru Kangkar 81150 Johor
Bahru

Perancangan Perniagaan

Nama Calon : Melvin Raj A/L Ealumalai

Nombor Kad Pengenalan : 03031801-01-1007

Tingkatan : 4AAP

Nama Sekolah : Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pulai
Perdana

ISI KANDUNGAN

- Bahagian 1 : Pengenalan
- Bahagian 2 : Tujuan Rancangan Perniagaan
- Bahagian 3 : Latar Belakang Perniagaan
- Bahagian 4 : Latar Belakang Pemilik
- Bahagian 5 : Kedudukan Tapak Perniagaan
- Bahagian 6 : Objektif Perniagaan
- Bahagian 7 : Rancangan Pentadbiran
- Bahagian 8 : Rancangan Operasi
- Bahagian 9 : Rancangan Pemasaran
- Bahagian 10 : Penutup
- Bahagian 11 : Lampiran

1.0 PENGENALAN

Kedai gunting rambut Barbacita merupakan sebuah perniagaan yang di tubuhkan bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan menggunting rambut. Kedai kami menerima semua lelaki sahaja tanpa mengira umur atau bangsa.

Premis perniagaan ini No 30, Jalan Pulau Ria 9, Bandar Baru Kangkar 81150 Johor Bahru dan berkeluasan 203 meter persegi yang mampu memuatkan seramai 7 pelanggan. Kedudukannya amat strategik kerana ianya berhampiran dengan kawasan perumahan dan sekolah. Oleh itu, perniagaan ini berpotensi untuk mendapat sambutan daripada kalangan penduduk-penduduk setempat serta pelajar-pelajar.

Pada peringkat awal penubuhan perniagaan, sebanyak RM105,00 disediakan sebagai modal perniagaan untuk membiayai kos pembelian mesin gunting rambut, kos ubahsuai premis perniagaan, serta keperluan operasi yang lain. Modal permulaan tersebut diperoleh daripada simpanan sendiri pemilik dan pinjaman bank.

Idea penubuhan ini tercetus apabila kami melihat perniagaan seperti ini jarang ada di sekitar kawasan perumahan di sini. Oleh yang demikian, kami telah mendapat idea ini untuk membukanya di sini bagi memudahkan mereka untuk mendapatkan perkhidmatan ini.

2.0 TUJUAN PERNIAGAAN

Tujuan kertas kerja perniagaan ini disediakan adalah seperti berikut :

- Tujuan untuk mendapatkan pinjaman ialah untuk menyakinkan pihak-pihak tertentu, contohnya bank yang membiayai projek yang dirancangkan dan menunjukkan bahawa projek tersebut berdaya maju dan sesuai untuk pelaburan atau pembiayaan.
- Modal Sendiri RM 40,000
- Modal Pinjaman RM 65,000
- Sumber Pembiayaan daripada bank Maybank
- Alasan memohon pinjaman ialah untuk membeli mesin, alatan pejabat serta ubahsuai premis perniagaan
- Faktor memilih bank Maybank ialah kadar faedah atas pinjaman amat sedikit iaitu dari 11.63% setahun

3.0 LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Butiran	Maklumat
Nama Perniagaan	: Kedai Gunting Rambut Barbacita
Alamat Perniagaan	: No 30, Jalan Pulai Ria 9, Bandar Baru Kangkar 81150 Johor Bahru
Nombor Telefon	: 013-788 6731
Nombor Fax	: 07-7886731
Bentuk Syarikat	: Milikan Tunggal
Kegiatan Utama	: Mengggunting rambut
Tarikh Memulakan Perniagaan	: 25 March 2019
Tarikh Pendaftaran	: 26 Jan 2019
Nombor Pendaftaran	: 4937226-D
Modal Simpanan Sendiri	: RM 40,000
Pinjaman Modal Daripada Bank	: RM 65,000
Sumber Pembiayaan	: Bank
Nama Bank	: Maybank Malaysia Berhad
Modal Keseluruhan	: RM 105,000
Nombor Akaun Syarikat	: 109456236-23-4

4.0 LATAR BELAKANG PEMILIK

Butiran	Maklumat
Nama Penuh	: Melvin Raj A/L Ealumalai
No. Kad Pengenalan	: 931210085301
Tarikh Lahir	: 10-12-1993
Umur	: 21
Jantina	: Lelaki
Alamat Tetap	: 1422,Jalan Pulai Jaya 49,Bandai Pulai Jaya,81300,Johor Bahru, Johor
Nombor Telefon	: 013-788 6731
Kelulusan Akademik	: SPM
Status Perkahwinan	: Bujang
Kursus yang pernah dihadiri	: Kursus Keusahawanan
Kemahiran	: Fasih Bercakap Banyak Bahasa Seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Dan Bahasa Tamil
Pengalaman	: Pelayan Restoran

5.0 Lokasi Projek

No 30, Jalan Pulau Ria 9, Bandar Baru Kangkar Pulai 81150 Johor Bahru



Saya memilih lokasi ini kerana kedudukannya amat strategic. Hal ini demikian kerana, ianya berhampiran dengan kawasan perumahan dan sekolah. Oleh itu, perniagaan ini berpotensi untuk mendapat sambutan daripada kalangan penduduk-penduduk setempat serta pelajar-pelajar.

6.0: Objektif Projek

Visi

- Menjadi pusat gunting dan pengayaan rambut yang terunggul di Malaysia.

Matlamat

- Meluaskan perkhidmatan keseluruhan Johor menjelang 2020.

Misi

- Menjadi pusat gunting dan pengayaan rambut yang terunggul di Malaysia.

Sasaran Jualan

Berikut merupakan sasaran jualan perniagaan bagi tempoh satu tahun. Perniagaan mensasarkan jualan bulanan meningkat 10% setiap bulan.

Bulan	Sasaran Jualan (RM)
April	8,000
Mei	8,800
Jun	9,680
Julai	10,500
,Ogos	11,550
Setember	12,705
Oktober	13,975
November	15,372
Disember	16,909
Januari	18,599
Februari	20,458
Mac	22,503
Jumlah	RM 169,051

Sasaran Untung

Berikut merupakan sasaran untung perniagaan bagi tempoh satu tahun. Untung perniagaan dijangkakan meningkat sebanyak 20% - 30% daripada sasaran jualan pada setiap bulan.

Anggaran purata sasaran untung bulanan sebanyak RM5,631.7

Bulan	Sasaran Untung (RM)
April	2,000
Mei	2,200
Jun	2,400
Julai	2,640
,Ogos	2,880
Setember	3,200
Oktober	3,400
November	3,700
Disember	4,000
Januari	4,700
Februari	7,660
Mac	8,800
Jumlah	RM 47,580


Sasaran Pelanggan

Sasaran pelanggan perniagaan Kedai Gunting Rambut Barbacita ialah pelajar-pelajar sekolah serta kalangan penduduk-penduduk setempat berhampiran.

7.0 Rancangan Pentadbiran

Berikut merupakan carta organisasi bagi perniagaan Kedai Gunting Rambut Barbacita:

Carta Organisasi



Berikut merupakan jadual spesifikasi kerja bagi Perniagaan Kedai Gunting Rambut Barbacita:

Pengurus Besar	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengurus, mengarah, mengawasi pentadbiran perniagaan keseluruhan. • Menyelaras akaun, sedia perbelanjaan, aliran tunai syarikat, merancang pemasaran, pembelian bahan mentah. • Mengawal dan mengenal pasti dasar dan misi perniagaan.
Pengurus Pemasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh menarik perhatian pelanggan, mempromosi syarikat dan melariskan perniagaan kami • Mempromosi syarikat dan mendatangkan pulangan yang lumayan kepada syarikat.
Pengurus kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengendalikan aliran wang dalam syarikat untuk memastikan kewangan syarikat dalam keadaan seimbang. • Cepak dalam menjaga keseimbangan aliran wang dalam syarikat.
Pengurus Pengeluaran	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan operasi perniagaan berjalan dengan lancar. • Memastikan keperluan stok operasi sentiasa mencukupi dan berkeadaan baik dan selamat.
2 Pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • Berkhidmat kepada syarikat dan mempunyai tugas masing-masing • Memastikan perjalanan syarikat dengan lancar.

Jadual imbuhan atau gaji pekerja:


Jawatan	Gaji Sebulan (RM)	Insentif pekerja bonus tahunan
Pengurus Besar	2,100	2,100
Pengurus Pemasaran	1,700	1,700
Pengurus Kewangan	1,900	1,900
Pengurus Pengeluaran	1,700	1,700
Pekerja (RM 1300 x 2 orang)	2,600	2,600
Jumlah	10,000	10,000

Berikut merupakan senarai peralatan dan kelengkapan yang diguna untuk urusan pentadbiran perniagaan.

Jenis	Harga seunit (RM)	Bil	Jumlah (RM)
Meja Kaunter	350	1	350
Rak	100	2	200
Komputer	2 000	1	2 000
Penghawa dingin	1 000	1	1 000
Lain-lain	100	1	100

8.0 Rancangan operasi

Berikut merupakan carta aliran proses




Waktu Operasi Perniagaan

Waktu operasi Perniagaan Kedai Gunting Rambut Barbacita seperti berikut.

Hari	Masa Operasi
Isnin – Jumaat	9.00 pagi – 9.00 malam
Sabtu – Ahad	9.00 pagi – 6.00 petang
Cuti Umum	Tutup

Susun Atur Ruang Operasi

Susun atur ruang operasi perniagaan Kedai Gunting Rambut Barbacita seperti rajah di bawah:



Keperluan bahan mentah

Keperluan bahan mentah adalah seperti jadual di bawah. Penambahan peruntukan perbelanjaan dijangka bertambah sebanyak 5% setahun disebabkan oleh faktor penambahan saiz pasaran atau kenaikan harga bahan mentah.

Jenis Bahan Mentah	Kuantiti digunakan sebulan	Jumlah kos
Hydro Peeling Gel	2	200
Krim Fade	2	200
2 Way Foundation	2	120
Oily Set	2	135
Facial Scrub	3	65
Collagen Gel	2	90
Peeling Treatment (Serum)	1	105
Jumlah	-	915

Senarai mesin dan peralatan

Semua mesin dan peralatan yang ada di bahagian operasi pengeluaran adalah seperti berikut:

Jenis	Harga seunit (RM)	Bil	Jumlah (RM)
Gunting biasa	10	10	100
Gunting Layer	12	10	120
Mesin gunting	22	10	220
Pencukur	6	10	60
Sikat	4	10	40
Buih pencukur	10	15	150
Shampoo	15	15	225
Kerusi	150	7	1050
Meja bercermin	450	5	2250
Katil	250	2	500
Jumlah			4715

Anggaran Belanja Operasi

Bil	Perkara	Jumlah(RM)	
1.	<u>Pembiayaan</u> Duit peruntukan untuk program keusahawanan	5395	00
	Jumlah Pembiayaan	5395	00
	Kerja ubahsuai (partition dan pintu kaca) Alat Bantu mengajar a. Kerusi gunting rambut b. Almari cermin c. Mesin gunting rambut (RM150 X 2 unit) d. Gunting (RM40 X 2 unit) e. Spay air f. Sikat (RM5 X 3 unit) g. Cuting cape (RM20 X 2 unit) h. Berus rambut i. Cermin (1 meter X 1 meter) Papan nama kedai Kursus gunting rambut (RM30 X 20 pelajar)	2000 1000 500 300 80 10 15 40 20 200 100 30 500 600	00 00 00 00 00 00 00 00 00 00 00 00 00 00 00 00 00 00
	Jumlah Perbelanjaan	5395	00

9.0 Rancangan Pemasaran

Perniagaan ini amat berpotensi berkembang dengan lebih meluas kerana didapati permintaan yang tinggi dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah. Lokasi yang strategik memudahkan orang ramai untuk datang ke kedai kami. Jadi, kami mempunyai peluang yang cerah untuk mendapatkan keuntungan.

Saiz pasaran meliputi kawasan Nibong Tebal dan sekitarnya. Sasaran kami terdiri daripada : 40%, penduduk kawasan sekeliling: 40% pelajar- pelajar dan 20% pelanggan-pelanggan lain.

Harga

PERKHIDMATAN	HARGA (RM)
Servis Gunting Rambut	6
Servis cucian Rambut	5
Servis urutan	3
Servis cukur misai dan janggut	3

Promosi

Pelbagai kaedah promosi diguna pakai bagi menyebarkan maklumat produk seperti risalah dan medium talian seperti Facebook, Wechat, WhatsApp dan Telegram. Kedai Gunting Rambut Barbacita menawarkan pakej istimewa khususnya kepada murid-murid. Selain itu, potongan harga istimewa turut diberi kepada pelanggan pada musim-musim perayaan dan hari-hari tertentu. Potongan diskaun 10-20% diberikan pada musim perayaan dan hari-hari tertentu.

Analisis SWOT

Kekuatan

Mengenal pasti kekuatan kedai gunting rambut boleh, kadang-kadang, semudah melihat pelanggan. Salun rambut dengan senarai pelanggan yang meluas adalah tanda pemasaran yang berjaya, operasi yang baik dan pengurusan pelanggan yang kuat. Namun, analisis yang kuat akan mengenal pasti sebab-sebab bahawa kekuatan tersebut adalah kekuatan. Faktor seperti pasukan yang terlatih dan lokasi trafik yang tinggi mungkin menjadi kekuatan utama.

Kelemahan

Kelemahan boleh dilihat dalam resit daftar kedai gunting rambut, tetapi tidak selalu. Sebagai contoh, kekurangan latihan stylist yang betul dan penjagaan pelanggan yang buruk boleh menghalang pendapatan salun rambut, tetapi masih tidak menahkannya. Mengenalpasti kelemahan kedai gunting rambut adalah langkah pertama untuk membuat penambahbaikan strategik. Adalah penting untuk melihat wajah yang tidak menentu di salun sambil melengkapkan bahagian ini. Kelemahan boleh semudah kekurangan inventori, atau mencabar kerana mempunyai lokasi yang salah dengan ruang dan tempat letak kereta yang terhad.

Peluang

Walaupun kekuatan dan kelemahan adalah aspek dalaman analisis kedai gunting rambut, peluang dan ancaman sebahagian SWOT menilai aspek-aspek luar. Trend dan gaya rambut yang sentiasa berubah dapat memberikan banyak peluang untuk salon rambut. Peluang boleh termasuk memperkenalkan gaya rambut baru dan kaedah gaya, memperkenalkan barisan produk baru dan jenama dalam inventori salun dan menarik pelanggan baru.

Ancaman

Ancaman kedai gunting rambut adalah perkara yang mengancam kehidupan perniagaan. Ini boleh terdiri daripada persaingan baru untuk perubahan dalam undang-undang dan peraturan industri. Walaupun banyak ancaman tidak boleh diubah, salon harus mengenal pasti ancaman untuk mewujudkan penyesuaian strategik untuk mengatasi cabaran yang akan berlaku. Sebagai contoh, pangkalan pelanggan kedai gunting rambut boleh diancam oleh kedai gunting rambut baru yang memasuki kawasan tersebut. Walaupun anda tidak boleh memaksa salun rambut baru untuk bergerak, anda boleh membuat strategi baru untuk mengatasi persaingan, mengekalkan asas pelanggan anda dan membawa pelanggan baharu. Ini mungkin termasuk memperkenalkan gaya baru, menyediakan promosi dan promosi baru, dan mempromosikan faedah pelanggan.

Kekuatan Dan Kelemahan Persaing

Nama syarikat pesaing	Kekuatan	Kelemahan
Kedai Gunting Rambut Siva	Beroperasi lebih 5 tahun	Potongan tidak mengikut trend
Salun Kecantikan	Mempunyai gaya potongan yang menarik	Harga yang agak mahal

10.0 Penutup

Kesimpulannya, syarikat ini mempunyai potensi yang amat besar untuk berkembang dan maju ke hadapan kerana syarikat ini mempunyai latar belakang kewangan yang baik. Selain itu, strategi pemasaran yang saya gunakan juga amat bersesuaian dengan perniagaan yang saya jalankan. Dengan adanya organisasi yang teratur dan juga pengurusan yang cekap dan sistematik, saya yakin bahawa syarikat ini akan mendapat sambutan yang hangat daripada para pelanggan. Antara tanggungjawab social terhadap pekerja ialah membayar gaji kepada pekerja pada masa yang ditetapkan dan mengamalkan dasar pengambilan pekerja pekerja yang adil.

